

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 25 Januari 2016 15:38
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SETIAUSAHA GENERASI BARU POLITEKNIK SYED SIRAJUDDIN PERLIS
BERKETERAMPILAN



25 JANUARI 2016 / 15 RABIULAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

**SETIAUSAHA GENERASI BARU POLITEKNIK SYED SIRAJUDDIN PERLIS
BERKETERAMPILAN**



ANJUNG TAMU ONLINE: Tugas seorang Setiausaha Pejabat sama ada setiausaha perempuan atau lelaki pada masa kini semakin mencabar dengan gelombang dunia yang menuntut untuk bekerja dengan efisien dan efektif. Mempunyai perhubungan awam yang baik di semua peringkat serta gaya keterampilan seorang setiausaha sentiasa menjadi pemerhatian umum dalam menentukan imej sesebuah organisasi.

Dalam kata lain, setiausaha perlu versatil dan amanah dalam kerja mereka di samping untuk menjaga rahsia organisasi serta menguruskan hal ehwal bos mereka.

Justeru, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) Arau, Perlis memandang serius betapa pentingnya profesion seorang setiausaha dalam sesebuah organisasi. Oleh itu, PTSS mengatur lawatan ke Universiti Pengurusan Terkemuka bagi memberi pendedahan kepada pelajar bidang kesetiausahaan mengenai persekitaran serta pengurusan pejabat yang profesional.

Seramai 45 bakal setiausaha telah disambut dengan pengenalan Jom Kenali UUM sempena Discover UUM 2016 serta penjelasan tentang tugas setiausaha yang berhubung kait dengan hospitaliti serta khidmat pelanggan di Welcome Centre.

Menurut pensyarah program Diploma Sains Kesetiausahaan, Nor Harlida Harun “objektif utama lawatan ke UUM supaya setiausaha yang dahulunya dimonopoli oleh pelajar perempuan dan kini telah ramai pelajar lelaki dalam bidang ini menginput pengalaman dan ilmu di luar kampus serta membuka minda mereka”.

“Terharu dengan sambutan mesra yang diterima, penerangan yang jelas dan suasana sangat menarik di Welcome Centre”, kata beliau.

Selain itu, Welcome Centre turut mengatur slot taklimat kepada Setiausaha PTSS berkenaan tugas setiausaha sebagai “Front Line” yang disampaikan oleh Pensyarah Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti, dan Alam Sekitar (SSTEM) UUM COLGIS, Dr. Rozila Ahmad. Mereka kemudiannya dibawa melawat Dewan Mu’adzam Shah serta sekitar kampus.

Kini, bidang kerjaya setiausaha telah mengalami revolusi seiring arus pembangunan pesat, cara kerja konvensional telah berubah sama sekali, gaya dan fesyen kontemporari diketengahkan malahan ketahanan mental dan fizikal setiausaha perlu dititikberatkan.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

